

APRESIASI SENI LUKIS DAN SENI REKA

1

1.1 DEFINISI SENI

Istilah 'seni' selalu digunakan dalam menyampaikan dan menggambarkan tentang sesuatu yang berkaitan dengan kecantikan atau kemahiran seseorang artis untuk mewujudkan nilai keindahan dalam karya seni yang terhasil. Mengikut kamus "*Oxford Compact Advance Learner's*" (2007), seni adalah penciptaan atau pewujudan sesuatu yang cantik terutama dalam bentuk seni visual seperti lukisan, catan dan arca. Ensiklopedia Malaysiana (1996) mendefinisikan seni sebagai sesuatu yang indah kepada pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Menurut LeoTolstoy (1828-1910), seorang sasterawan Rusia mengatakan bahawa seni merupakan ungkapan perasaan seseorang seniman untuk disampaikan kepada orang lain agar mereka dapat merasakan apa yang cuba disampaikan.

Sesuatu hasil seni visual itu terbit daripada ekspresi atau kemahiran kreatif dan imaginasi seseorang artis. Sesuatu karya yang terhasil adalah bertujuan untuk dihayati dan dihargai mengenai kecantikan, keindahan atau kesan emosi kepada khalayak. Makna seni berbeza daripada seseorang artis dengan yang lain kerana setiap seseorang mempunyai idea atau inspirasi tersendiri dalam penghasilan karya seni.

Setiap karya seni mempunyai mesej dan takrifan yang berbeza. Ada pendapat yang mengatakan bahawa sesuatu hasil seni itu boleh ditakrifkan melalui empat aktiviti atau perkara seperti di bawah:

- a) Kemahiran teknikal yang ada pada seniman atau penghasil seni.
- b) Kecekapan dan kreativiti seniman memanipulasi penggunaan peralatan dan media yang digunakan.
- c) Tafsiran kreatif dan kaedah persembahan karya/hasil seni.
- d) Mempunyai kesan emosi terhadap penonton.

Melalui takrifan yang dinyatakan, boleh dirumuskan bahawa seni perlu mempunyai makna tertentu bagi seniman untuk disampaikan kepada khalayak. Sesebuah karya seni itu terhasil daripada idea melalui luahan rasa dan kreativiti artis dengan kemahiran dan penerokaan penggunaan media dan peralatan tertentu. Bagi penonton yang mengamati dan menghayati sesuatu hasil seni, pastinya terkesan dengan emosi sehingga merasai akan kesenangan atau keseronokan. Ini bertepatan dengan apa yang Sidi Gazalba (1977) nyatakan dalam bukunya bahawa seni adalah sebagai usaha dalam mencipta sesuatu bentuk yang menyenangkan.

1.2 KONSEP ANALISIS FORMAL KOMPOSISI KARYA SENI

Asas penghasilan sesebuah karya seni itu adalah terbentuk melalui komposisi atau susun atur di mana di dalamnya terkandung prinsip-prinsip dan elemen-elemen rekaan seni. Pengetahuan dan pemahaman tentang aspek ini membolehkan seseorang itu berkeupayaan untuk menganalisis sesebuah hasil seni. Penganalisaan formal merupakan satu tatacara penting untuk menjelaskan maklumat tentang sesuatu karya seni visual.